

BH AHAD 7 JUN 2020

**PELAN JANA SEMULA
EKONOMI NEGARA****penjana**

'Buy Malaysia' galak beli produk tempatan

Kerajaan sedia RM20 juta pastikan matlamat tercapai

Menyokong perbelanjaan di peringkat domestik adalah salah satu usaha untuk mengukuhkan ekonomi negara.

Justeru, dalam usaha menggalakkan pembelian dan penggunaan produk serta perkhidmatan keluaran tempatan, kerajaan akan menganjurkan kempen 'Buy Malaysia' peringkat kebangsaan bermula bulan ini.

Kerajaan memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi memastikan usaha berkenaan dapat dicapai dengan jayanya.

Bagi menggalakkan rakyat Malaysia membeli produk tempatan, kerajaan dan agensi berkaitan akan membuat pemasaran kempen 'Buy Malaysia'.

Kerajaan juga akan mewajibkan rangkaian pasar raya besar untuk membuat penandaan produk tempatan dan juga menubuhkan saluran produk Malaysia yang berdedikasi di platform e-dagang.

Kempen berkenaan akan diterajui oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Selain itu, dalam menjalani kehidupan norma baharu, semakin ramai rakyat Malaysia memilih untuk menggunakan pembayaran tanpa sentuh.

Untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan ini, melalui Program ePenjana yang bernilai RM750 juta, kerajaan akan mengkreditkan RM50 ke dalam akaun e-dompet pengguna.



Ini akan dipadankan dengan tambahan baucar, pulangan tunai dan diskaun berjumlah RM50 daripada syarikat khidmat e-dompet.

Inisiatif ini adalah untuk menggalakkan kegunaan e-dompet yang selamat, pengalaman pembayaran tanpa sentuh dan untuk merangsangkan perbelanjaan pengguna.

Ia akan bermula pada Julai ini dan akan memanfaatkan kira-kira 15 juta rakyat Malaysia.

Mereka yang berusia 18 tahun ke atas dan berpendapatan kurang daripada RM100,000 setahun layak menerima kredit e-dompet ini dan hanya boleh digunakan untuk pembelian fizikal dan bukan dalam talian.

Info

- Menggalakkan pembelian dan penggunaan barangan Malaysia

- Mewajibkan pasar raya besar membuat penandaan produk tempatan

RM50

Dikreditkan ke dalam akaun
e-dompet pengguna